

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

RGW 453 - Kontrak dan Undang-Undang Bangunan

Tarikh: 13 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: DUA soalan dari tiap-tiap Bahagian A dan B.

Gunakan Buku Jawapan yang BERASINGAN bagi setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

Jawab DUA soalan.

1. Terangkan perkara-perkara berikut dengan memberi contoh dari segi pembangunan:-

- (a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- (b) Undang-Undang Kecil
- (c) Undang-Undang Sivil
- (d) Pihak Berkuasa Tempatan
- (e) Kanun Tanah Negara 1965

(25 markah)

2. (a) Apakah matlamat umum sistem-sistem perundangan dan kawalan bangunan? Huraikan dengan menggunakan contoh perundangan tempatan.

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah penahan/had (constraints) sistem kawalan bangunan dilaksanakan di negara ini? Huraikan dengan memberi contoh-contoh tempatan.

(15 markah)

3. (a) Apakah sistem "One Stop Approval" yang dikendalikan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Pada pendapat anda, apakah baikan atau keburukan sistem tersebut?

(10 markah)

- (b) Andaikan anda telah dilantik oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menyelenggara-kan peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Undang-Undang Kecil Seragam Bangunan 1984. Apakah kelemahan yang telah anda dapati dan bagaimanakah anda dapat meneruskan proses memperbaiki lagi Undang-Undang Kecil tersebut?

(15 markah)

#### BAHAGIAN B

Jawab DUA soalan.

4. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "kontrak"?

- (b) Bincangkan elemen-elemen sesuatu kontrak biasa (a simple contract).

- (c) Secara umum apakah pendapat anda mengenai borang kontrak terbaru (tanpa kuantiti) yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia iaitu P.W.D. 203 (rev. 10/83)?

(25 markah)

5. (a) Atas alasan apakah seseorang majikan boleh memansuhkan kontrak dengan kontraktor sebelum tamat masa kerja binaan?
- (b) Apakah langkah-langkah yang semestinya diambil oleh majikan dan Arkitek, di bawah syarat-syarat Kontrak Bangunan PAM, jika sekiranya majikan ingin memangsuhkan perjanjian kontrak sebelum tamat masa kerja binaan?
- (c) Nyatakan dengan ringkas, hak seseorang:-  
(i) Majikan  
(ii) Kontraktor  
di bawah syarat-syarat Kontrak Bangunan PAM.

(25 markah)

6. (a) Seseorang Arkitek yang dilantik oleh Majikan, diberikan kuasa merekabentuk dan mengawasi kerja-kerja bangunan. Bagaimanakah kuasa-kuasa ini dijalankan di bawah konteks syarat-syarat kontrak bangunan PAM?  
Lanjutan kepada perkara tersebut, nyatakan dengan ringkas, bagaimanakah segala Arahan-Arahan Arkitek diberikan kepada kontraktor?
- (b) Apakah yang anda fahamkan dengan 'Prime Cost' dan 'Provisional Sums' seperti mana yang terdapat di dalam kesemua Kontrak Bangunan?  
Nyatakan bila dan kenapa mustahaknya diadakan 'prime cost sums' di dalam sesuatu kontrak Bangunan.

- (c) Salah satu tanggungjawab seseorang Arkitek ialah mengeluarkan Sijil-Sijil 'Interim' untuk segala bayaran kemajuan.

Kenapakah mustahaknya sijil-sijil ini di keluarkan dan apakah perkara-perkara yang perlu diperhitungkan sebelum mengeluarkan sijil-sijil ini?

(25 markah)

-oooo0ooo-